

KRISIS KEWANGAN ASIA TAHUN 1997-1998 DAN PANDEMIK COVID-19: ANALISIS PEMIKIRAN TUN MAHATHIR (TDM) DARI PERSPEKTIF ISLAM

Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (TDM) berkaitan dengan krisis kewangan tahun 1997 dan krisis wabak COVID-19 dari perspektif Islam. Skop kajian ini dilakukan di Malaysia kerana TDM telah berjaya menangani krisis kewangan 1997. Krisis Kewangan 1997 adalah akibat daripada serangan mata wang yang memberi impak terhadap ekonomi manakala COVID-19 adalah akibat daripada virus yang memberi impak terhadap ekonomi. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah pendekatan deskriptif analitis. Iaitu pengkajian secara sistematis terhadap sumber primer. Sumber primer adalah data-data, maklumat-maklumat serta apa-apa dapatan yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kesemua sumber-sumber primer ini telah dinyatakan pada nota kaki dan juga nota hujung. Analisis yang digunakan ialah analisis kandungan iaitu perbincangan mendalam terhadap kandungan sumber termasuk maklumat bertulis, bercetak dan media elektronik yang berkaitan dengan tokoh yang diselidik. Analisis dimulai dengan melakukan telaah dan pencatatan terhadap kenyataan atau penulisan oleh TDM. Keputusan kajian ialah TDM berpandangan wabak COVID-19 akan memberikan kesan kemelesetan ekonomi lebih teruk daripada krisis kewangan Asia pada tahun 1997. Krisis ini bukan hanya di Malaysia tetapi di seluruh dunia dan merupakan kita sebenarnya sedang berhadapan dengan malapetaka. Dari perspektif Islam pula, umat Islam yang suatu ketika dahulu dalam sejarah pernah menerajui peradaban dunia, kini mencari-cari makna diri dan tersingkir daripada kemajuan sains dan teknologi kerana menafikan dan mengesampingkan akal yang rasional. Umat Islam kini terpaksa bergantung kepada hasil penyelidikan bukan Islam untuk mendapatkan vaksin.

Keywords: Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (TDM), Krisis Kewangan Asia 1997, Covid 19, Krisis.

PENDAHULUAN

Wabak koronavirus (COVID-19) yang menular sudah melumpuhkan banyak ekonomi negara di seluruh dunia. Krisis kesihatan ini telah memaksa hampir 3.9 bilion penduduk bumi dikuarantinkan di rumah masing-masing sehinggakan kegiatan ekonomi seolah-olah terhenti. Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva telah meramalkan dunia akan mengalami kemelesetan lebih teruk daripada krisis kewangan 1998-1999. Bank Dunia pula meramalkan hanya dua negara di Asia Tenggara yang akan mengalami pertumbuhan negatif iaitu Malaysia dan Thailand.¹ Bank Negara pula mengumumkan ekonomi negara pada tahun 2020 akan berkembang antara -2 sehingga 0.5% dan keadaan ini amat sukar. Justeru, Malaysia akan berhadapan dengan ketidakpastian dan kerajaan akan meningkatkan usaha untuk memperkukuhkan daya tahan dan memikirkan sumber baharu ekonomi negara supaya terus kukuh dan mampan.

Ketika artikel ini ditulis, jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 di seluruh dunia kini menghampiri 65 juta kes. Manakala angka kematian pula melepasi 1.5 juta kes. Data terbaru Johns Hopkins Universiti menunjukkan Amerika Syarikat kekal sebagai negara paling teruk terjejas dengan lebih 14.05 juta kes. Ini diikuti India dengan lebih 9.53 juta kes manakala Brazil merekodkan lebih 6.43 juta kes.

Menurut pakar epidemiologi merangkap penasihat perubatan kerajaan China, Zhong Nanshan meramalkan jumlah kes penularan COVID-19 di Malaysia menjadi lebih serius di tahun hadapan. Menurut beliau, dijangkakan pada 25 Januari 2021, jumlah kes COVID-19 di Malaysia akan mencecah sehingga 187, 997 kes yang dilaporkan di dalam Sin Chew daily². Zhong seorang pakar yang dikenali di dunia kerana kejayaannya memerangi wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) pada tahun 2003 dan kecemerlangannya menghadapi beberapa wabak seperti H1N1, H5N6, H7N9 serta MERS.

Dalam makalah ini saya masukkan beberapa ulasan sebagai kajian kepustakaan dalam memperkatakan mengenai kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan dikaitkan dengan Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-1998. Ulasan ini dipilih dari tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung ketika Krisis Kewangan Asia 1997-1998 ketika itu dan juga beberapa orang tokoh yang terlibat dalam bidang ekonomi pada masa kini. Kajian ini juga akan melihat dari segi pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (TDM) kerana ketika Krisis Kewangan Asia 1997-1998 TDM merupakan Perdana Menteri ketika itu yang memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk memulihkan ekonomi negara. Kajian ini juga akan melihat dari perspektif Islam kerana kajian yang dilakukan oleh penyelidik dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan melihat isu yang dikaji dari perspektif Islam.

¹ Sinar Harian 5 April 2020.

² Sinar Harian. 6 Disember 2020.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Datuk Seri Mustapha Mohamed berpendapat³ Malaysia mungkin mengalami kemelesetan ekonomi yang lebih teruk daripada krisis kewangan 1998-1999. Menurut beliau, setiap AS\$1 penurunan harga minyak mentah dunia, pendapatan Malaysia dari sumber petroleum mengalami kerugian sebanyak RM300 juta.

Dalam memperkatakan mengenai kesan COVID-19-pula adakah Malaysia bakal berdepan kegawatan ekonomi seperti yang berlaku pada tahun 1998. Beliau berpendapat semasa krisis kewangan pada tahun 1997-1998, pertumbuhan negara adalah -7.4% dan pada tahun 2009, krisis kewangan berulang lagi dan pertumbuhan KDNK ialah -1.5%.

Menurut beliau lagi, Malaysia bergantung kepada minyak sebagai sumber pendapatan negara sehingga 30 peratus. Jadi, apabila harga minyak mentah dunia jatuh sehingga AS\$23 setong telah memberikan impak besar kepada Malaysia kerana semasa merangka belanjawan negara pada tahun 2020 harga minyak mentah dunia dianggarkan pada AS\$62 setong. Oleh kerana itu, beliau menjangkakan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 lebih rendah berbanding sasaran awal sebanyak 4.3% sehingga 4.8%. Kesan kejatuhan harga minyak mentah ini akan menyebabkan cukai pendapatan petroleum semakin berkurang dan pendapatan kerajaan juga akan berkurang.

Kejatuhan harga minyak dunia adalah disebabkan oleh 2 faktor. Faktor pertama ialah minyak mentah terlalu banyak di pasaran atau *over supply* dan faktor kedua ialah permintaan yang rendah atau *low demand*. Ini adalah kerana kegagalan mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) pada awal Mac 2020 mencapai resolusi untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah terutama Arab Saudi dan Rusia telah menyebabkan berlakunya lambakan minyak mentah di pasaran dunia dan Amerika Syarikat juga merupakan pengeluar minyak terbesar.

Menurut Tun Daim Zainuddin pula apabila ditanya⁴ mengenai kenyataan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menggelar krisis kewangan yang dihadapi sekarang ini akibat COVID-19 sebagai *The Great Lockdown* bukan seperti krisis kewangan yang pernah kita lihat sejak beberapa dekad.

COVID-19 telah memaksa masyarakat kita untuk menukar gaya hidup yang telah menjadi kebiasaan kita selama ini kepada cara baru. Ia juga mendedahkan kita kepada segala kelemahan yang ada dalam bidang perniagaan, dalam kerajaan dan masyarakat umum. Kita kini diberi peluang untuk berfikir dan mengkaji situasi semasa. Kita juga diberi peluang untuk menilai diri kita semula, menilai diri kita sesama manusia dan semua keutamaan yang lain. Ini merupakan peluang kita untuk mencari langkah yang boleh diambil supaya kehidupan kita akan jadi bertambah baik di masa hadapan.

Tun Daim seterusnya berpandangan bahawa krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1997-1998 adalah disebabkan oleh ekonomi yang tidak seimbang iaitu pelaburan spekulatif yang berlebihan di pasaran saham dan harta tanah, kepenggunaan domestik dan pelaburan yang sia-sia serta pengurusan kewangan yang tidak cekap dan lemah (*currency mismatch and maturity mismatch*). Kemudian berlaku pula Krisis Kewangan Global pada tahun 2008-2009 berpunca kerana kelonggaran pinjaman kepada mereka yang tidak layak (*sub-prime*), asset yang toksik dan sebagainya.

Tetapi menurut Tun Daim pula COVID-19 ini bukan sahaja ramai yang meninggal dunia tetapi juga ramai yang hilang punca pencarian disebabkan ekonomi merudum. Perniagaan yang dibina bertahun-tahun telah runtuh hanya dalam masa beberapa bulan. Rakyat dari pelbagai kelompok umur telah hilang pekerjaan. Namun, bukan semuanya negatif kerana syarikat-syarikat yang menggunakan teknologi terus berkembang.

Dari segi pengalaman, Tun Daim berpandangan bahawa Malaysia berjaya menguruskan dua krisis kewangan yang besar sebelum ini adalah kerana Malaysia mempunyai banyak pelabur. Pelabur akan datang melabur di Malaysia kerana empat sebab utama. Pertama, sosiopolitik negara yang stabil. Kedua, polisi yang jelas. Ketiga, kepimpinan yang teguh dan dihormati dan keempat ialah kedaulatan undang-undang dan kita perlu ingat bahawa 40 peratus pelaburan dalam negara disumbangkan oleh pelabur asing.

Jadi, untuk menghidupkan semula ekonomi Malaysia kita perlu ada maklumat tepat dan terkini mengenai keadaan ekonomi dan perniagaan di negara ini. Semasa krisis kewangan 1998, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bermesyuarat hampir setiap hari untuk memantau dan mendapatkan maklumat harian mengenai keadaan akar umbi di bawah. Perbincangan kerap diadakan bersama pihak industri, persatuan, dewan perniagaan dan sektor-sektor ekonomi.

Malaysia tidak boleh lari dari kemelesetan ekonomi, Malaysia adalah negara berdagang, jika prestasi ekonomi dunia tidak memberangsangkan, ekonomi Malaysia turut menerima kesan. Ekonomi dunia diramalkan meleset sebanyak 3% tahun ini iaitu yang terburuk sejak "*The Great Depression*" di era 1930-an. Ekonomi Amerika Syarikat sudah mengalami kemelesetan. Pada suku pertama tahun 2020, ekonomi Amerika kuncup sebanyak 4.8% iaitu yang terburuk sejak tahun 2008. China juga mengalami kemelesetan. Pada suku pertama ekonomi China telah menguncup sebanyak 7%. Ekonomi United Kingdom (UK) juga mengalami nasib yang sama apabila menguncup pada suku pertama dan Malaysia juga tidak terkecuali. Kerajaan meramalkan kadar pertumbuhan KDNK akan meleset sekurang-kurangnya 2% tahun 2020.

Bagi Tun Daim, Malaysia tidak sepatutnya meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana semasa krisis matawang pada tahun 1997-98, Malaysia berjaya keluar dari cengkaman kemelesetan ekonomi (KDNK menyusut -7.4% dalam tahun 1998). Cara Malaysia tidak popular ketika itu tetapi ekonomi Malaysia berkembang selepas itu tanpa terikat dengan apa-apa syarat IMF yang membebaskan.

³ Wawancara bersama Datuk Seri Mustapha Mohamed dan wartawan Sinar Harian yang disiarkan di akhbar Sinar Harian pada 5 April 2020.

⁴ Teks wawancara Tun Daim Zainuddin, mantan pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan kepada perdana Menteri sebelum ini Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disirakan di Malaysiakini pada 23 May 2020.

Tun Daim seterusnya menyuarakan pandangan bahawa inovasi, teknologi, digitalisasi dan produktiviti tinggi adalah pemacu utama yang boleh jadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia di masa hadapan. Ini termasuk sektor elektronik dan digital, e-dagang, pertanian pintar, proses pemakanan dan industri halal, bioteknologi, khidmat data, nanoteknologi dan banyak lagi. Insentif kewangan serta strategi yang mampan adalah amat diperlukan di dalam sektor seperti digitalisasi, *renewable energy*, sistem 5G, pengkalan data yang besar dan lain-lain.

Wabak COVID-19 ini telah membuka mata kita untuk melihat sendiri proses digitalisasi dan teknologi di Korea Selatan dan Taiwan yang mampu membawa mereka keluar dari krisis tersebut. Inovasi dan ekonomi baru telah dikenalpasti sebagai kunci pertumbuhan baru Malaysia. Kita perlu melihat gandingan usaha kita bagi memastikan kita mampu bersaing di padang yang lebih mencabar. Kita tidak boleh kekal melakukan perkara yang sama kita mesti lebih cekap dari segi proses dan produktiviti. Sebagai contoh, industri tradisional seperti pertanian sektor pembuatan dan pengilangan ianya perlu ditingkatkan dengan penggunaan teknologi seperti *drone*, *robotic* dan kecerdasan buatan atau AI.

Sebelum pun COVID-19 ini berlaku, ekonomi dunia sudah tertekan akibat perang dagang antara Amerika Syarikat dan China. Menurut IMF, jumlah hutang dunia melonjak ke paras tertinggi iaitu AS\$255 trilion pada tahun 2019. Itu melangkaui 322% dari KDNK dunia. Jadi, kita sebenarnya berdepan dengan COVID-19 ini pada tahap kewangan yang tidak kuat. Krisis COVID-19 ini adalah lebih teruk daripada krisis "*The Great Depression*" di era 1930-an. Hidup kita akan berubah pasca COVID-19 ini. Orang ramai telah pun menerima penjarakkan sosial sebagai rutin. Mesyuarat atas talian lebih kerap. Platform e-dagang akan dimajukan lagi dengan teknologi 5G. Akan berlaku juga *reverse*-globalisasi yang mana firma perniagaan akan menghadkan rantai bekalan makanan hanya kepada beberapa lokasi perniagaan sahaja.

Berkaitan dengan penggunaan mata wang *kripto* pula, Tun Daim berpandangan Malaysia tidak sepatutnya melarang penggunaan mata wang *kripto* kerana ia akan membendung inovasi. Pertumbuhan meluas mata wang *kripto* sejak beberapa tahun telah mendorong 130 buah negara untuk merangka dan mengikat penggunaan mata wang *kripto* dengan undang-undang. Perbezaan antara mata wang *kripto* dan mata wang sebenar ialah mata wang sebenar dijamin nilainya oleh bank manakala mata wang *kripto* tiada jaminan nilai. Cabarannya pula ialah risiko transaksi dan risiko pelaburan akibat nilai mata wang *kripto* yang turun naik kerana tiada undang-undang yang mengawalinya. Tambahan pula mata wang *kripto* menggalakkan pasaran gelap dan aktiviti haram seperti pembersihan wang dan keganasan. Masih ramai yang tidak faham dengan mata wang *kripto* ini. Istilah-istilah seperti '*bitcoin*', dan *blockchain* masih asing. Jadi, pemahaman asas mengenai mata wang *kripto* ini mustahak jika ingin berjaya selepas wabak COVID-19 ini berakhir. Pasaran mata wang *kripto* ini masih tidak menentu tetapi terus tumbuh dan melalui fasa matang apabila lebih banyak bank-bank pusat mengkajinya dengan lebih serius.

Zeti pula berpandangan⁵ Malaysia memiliki kemampuan menangani krisis kesihatan dan kemanusiaan dicetuskan oleh COVID-19 yang menjejaskan ekonomi negara. Menurut beliau, krisis yang dicetuskan oleh COVID-19 ini adalah krisis ekonomi dan bukan krisis kewangan seperti yang berlaku pada tahun 1998. Kerajaan perlu mengukuhkan sistem perbankan, konsolidasi fiskal dan reformasi kewangan untuk memastikan COVID-19 tidak menjejaskan ekosistem.

Menurut beliau lagi, krisis yang Malaysia hadapi ketika ini berbeza dengan Krisis Kewangan 22 tahun yang lalu, yang mana Malaysia bangkit dengan sangat baik. Ketika itu, kita lihat aliran keluar dana asing berlaku di seluruh Asia Tenggara yang menyaksikan pasaran modal, ekuiti dan tukaran wang asing murudum. Justeru, Malaysia dilihat memiliki asas kukuh untuk menangani krisis kesihatan ini. Hakikatnya, COVID-19 telah mengubah landskap sektor pekerjaan. Kerajaan perlu memperkemaskan sistem pendidikan untuk memenuhi keperluan semasa berkaitan teknologi. Kemahiran teknologi diperlukan ketika ini untuk mewujudkan pekerjaan baharu pada masa depan.

Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, Gabenor Bank Negara Malaysia pula berpandangan⁶ Malaysia mampu menangani penularan COVID-19 kerana disokong oleh kepelbagaian asas ekonomi, pengukuhan sistem kewangan dan lebihan akaun semasa yang utuh. Beliau berkata, impak penularan COVID-19 terhadap ekonomi tidaklah seteruk impak krisis Kewangan Asia pada tahun 1997-1998 kerana Krisis Kewangan Asia melibatkan pasaran kewangan yang mana mencetuskan krisis perbankan. Krisis perbankan adalah sukar untuk diuruskan kerana impaknya kepada ekonomi negara dan mengambil masa yang lama untuk pulih. Manakala, COVID-19 pula mencetuskan krisis kesihatan yang mana aktiviti ekonomi terjejas oleh gangguan bekalan dan permintaan susulan langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan di seluruh dunia. Impak kesihatan adalah jangka pendek apabila vaksin ditemukan, ekonomi akan pulih dan melonjak semula selepas itu.

Dr Muhammad Abdul Khalid selaku penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri TDM pula memberi pandangan⁷ bahawa ketika krisis COVID-19 ini meledak, dua jenis ransangan ekonomi telah diumumkan, masing-masing oleh Perdana Menteri ke-7 Tun Dr Mahathir Mohamad (27 Feb 2020) dan ke-8 Tan Sri Muhyiddin Yasin (6 Mac 2020). Menurut beliau keutamaan ketika ini ialah memastikan rakyat Malaysia terus hidup. Ini bukan masanya untuk berkira-kira mengenai defisit fiskal, jumlah hutang negara, kadar pertumbuhan ekonomi, tanggapan *credit rating agencies* ataupun berpolitik. Beliau telah syorkan strategi serampang 3 mata iaitu (i) memberi pendapatan kepada rakyat Malaysia terutama mereka yang bekerja sendiri (ii) membantu syarikat kecil dan sederhana untuk terus bertahan (iii) memastikan bekalan makanan mencukupi.

⁵ Temubual ORBIT Talk Series bertajuk Cerminan Krisis Kewangan 1997-Pemulihan Ekonomi Pasca Pandemik COVID-19 Menerusi Transformasi Digital. Artikel bertajuk "Malaysia Mampu Atasi Krisis Ekonomi COVID-19 oleh Mohd Zaky Zainuddin yang disiarkan di Berita Harian pada 8 Oktober 2020. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz ketika itu sebagai pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB)

⁶ Artikel bertajuk Sistem Kewangan Ekonomi Malaysia mampu depanti kesan COVID-19 oleh Mahanum Abdul Aziz disiarkan di Berita Harian pada 3 April 2020 semasa sidang media sempena penerbitan tiga laporan utama Bank Negara Malaysia (BNM). Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2019 (AR 2019). Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 (EMR2019) dan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2019 (FSR2H 2019).

⁷ Malaymail, 23 March 2020.

Rencana bertajuk “Krisis dan Dasar: COVID-19 Memang Luar Biasa” oleh Suah Jing Lian terbitan Bank Negara Malaysia⁸. Menyatakan bahawa keadaan kejutan penawaran yang tidak pernah dijangka telah mendorong tindakbalas permintaan yang besar. Pihak Bank Negara telah membuat analisis tentang tindakbalas dasar fiskal, monetari dan kewangan pada peringkat global. Bank mendapati bahawa keutamaan dasar ketika pandemik COVID-19 adalah dengan melihat ekonomi dari sudut kemanusiaan iaitu mengekalkan mata pencarian bagi memastikan keperluan mudah tunai tetap dipenuhi tanpa menjejaskan keutamaan kesihatan orang ramai. Bagi mencapai matlamat ini, rencana ini telah mengenalpasti tiga ciri yang patut dipenuhi untuk pertimbangan dasar iaitu tepat, pantas dan mencukupi. Krisis kesihatan yang luar biasa telah mencetuskan anjakan paradigma mengenai krisis ekonomi. Oleh itu, barisan hadapan ekonomi memerlukan tindak balas dasar yang juga luar biasa bagi menghadapi kemelesetan ini.

Menurut Nor Mohamaed Yakcop⁹ ketika krisis kewangan melanda Asia Tenggara beliau telah berbincang dengan TDM mengenai beberapa perkara seperti bagaimana pasaran pertukaran asing berlaku, tentang kedudukan jangka masa pendek dan jangka masa panjang, mengenai perlindungan nilai, bagaimana mata wang dipinjam dan dijual, perbezaan “tawaran” dan “penawaran” serta bagaimana dana boleh dipindahkan di antara negara hanya dengan satu *klik*, pasaran-pasaran ekuiti bagaimana berlaku dan hubungan antara pasaran tukaran mata wang asing dan pasaran ekuiti. TDM juga telah memikirkan bagaimana untuk menamatkan dagangan saham-saham Malaysia di CLOB (*Central Limit Order Book*) di Singapura. Ini adalah kerana TDM berpandangan bahawa antara faktor yang mengakibatkan pasaran saham jatuh ialah jualan singkat saham Malaysia di CLOB.

Menurut Tan Sri Mohd Nor Yakcop, jika mana-mana negara membangun lain, yang menghadapi krisis yang sama dan memperkenalkan langkah-langkah yang kita perkenalkan pada September 1998, ia mungkin gagal. Ini kerana krisis ini berjaya ditangani adalah disebabkan oleh keupayaan dan watak TDM. Ekonomi dan sistem kewangan di bawah kepimpinannya berada dalam keadaan cukup sihat untuk membolehkan langkah-langkah kawalan pertukaran dilaksanakan tanpa kesan negatif. Selain itu, gaya pengurusan sendiri TDM membolehkan keputusan cepat dan tepat.

Malaysia berada pada kedudukan yang amat baik pada akhir tahun 1996. Keluaran dalam negara kasar berkembang hampir 8.5 peratus. Hutang luar negara adalah rendah, pada 40 peratus daripada keluaran negara kasar. Inflasi berada pada tahap paling rendah iaitu 2.1 peratus. Kekuatan asas ini merupakan faktor penting yang membolehkan langkah kawalan pertukaran ini berjaya.

TDM bukan sahaja menyelamatkan Malaysia malah negara-negara jiran juga. Apabila Malaysia mengenakan langkah kawalan pertukaran, spekulator matawang menyedari negara lain seperti Thailand, Indonesia dan Korea juga boleh mengenakan kawalan yang sama. Oleh sebab itu, ‘penyagak mata wang’ menghentikan aktiviti mereka. Mereka membeli semula matawang yang mereka jual. Ini menyebabkan kenaikan nilai mata wang serantau. Seperkara lagi, IMF tidak berpuashati dengan tindakan Malaysia yang menurunkan kadar faedah dan menyuntik kecairan dalam sistem bagi merangsang ekonomi kerana Malaysia kelak akan mengatasi negara-negara IMF.

PANDANGAN TUN DR MAHATHIR (TDM)

TDM berkata keyakinan pelabur pada masa ini pada tahap yang rendah bukan hanya di Malaysia tetapi di seluruh dunia kerana jika kita melabur tetapi kita tidak boleh menjual. Dalam menghadapi krisis kewangan Asia pada tahun 1997, TDM mengenakan kawalan modal yang ketat sehingga dikritik hebat masyarakat antarabangsa. Bagaimanapun, lebih satu dekad kemudian, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menarik balik pendiriannya dan mengakui langkah yang diperkenalkan TDM telah membantu Malaysia.¹⁰

TDM menyatakan¹¹ melahirkan kebimbangan beliau mengenai keadaan kemelesetan ekonomi akibat wabak COVID-19. Apa yang berlaku di Malaysia juga sedang berlaku di seluruh dunia. Ekonomi akan meleset di seluruh dunia. Malah negara-negara paling kaya pun akan menderita dan sebenarnya kita semua sedang berhadapan dengan malapetaka. Menurut TDM, di Malaysia industri petroleum tidak besar tetapi ia penyumbang besar kepada hasil kerajaan. Pakej ransangan ekonomi pula melibatkan kenaikan perbelanjaan kerajaan dan pengurangan hasil cukai.

TDM juga menyatakan¹² ekonomi negara mengambil masa yang lama untuk pulih selepas COVID-19 kerana asas ekonomi negara perlu dibina semula. TDM juga menyeru semua rakyat Malaysia supaya bekerja lebih kuat bagi memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan dengan segera. Ekonomi negara kita akan pulih apabila kita tidak lagi tersekat dalam menjalankan kerja-kerja kerana wabak ini. TDM dapati tabiat-tabiat bekerja itu berkurangan dan kita perlu bangunkan diri kita sendiri untuk bekerja lebih kuat kerana dengan bekerja kuatlah kita dapat pulihkan ekonomi negara kita lebih cepat. TDM seterusnya menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 ini memperlambatkan aktiviti ekonomi sehingga menjejaskan kerja dan produktiviti rakyat. Apabila orang tidak keluar bekerja, maka tidak produktif, tidak memberikan apa-apa, tidak membantu perniagaan dan oleh itu mereka tidak menjana kekayaan. TDM seterusnya memperkatakan mengenai industri perlancongan turut terjejas dengan larangan perjalanan dikenakan oleh banyak negara sehingga mengakibatkan pembatalan penerbangan dan tempahan hotel dan membawa kepada kesulitan ekonomi. Ketika pandemik COVID-19 ini, pelancong tidak boleh pergi ke mana-mana. Keseluruhan industri lumpuh.

⁸ BST BNM S1 2020

⁹ Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

¹⁰ Malaysiakini, 16 March 2020.

¹¹ Malaysia kini 23 March 2020.

¹² Astro Awani, 1 April 2020. Sesi bual bicara bersama TDM menerusi segmen “Apa Nak Tanya” yang diadakan secara langsung (live) di laman Facebook dan Instagram @chedetofficial.

PERSPEKTIF ISLAM

Eman Supriatna (2020) dalam Makalah beliau bertajuk *Wabah Corona Virus Disease Covid 19 Dalam Pandangan Islam* membuat kesimpulan bahawa Covid 19 dalam pandangan Islam merupakan sebuah kejadian pandemik wabak virus menular seperti di zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang disebut dengan *Tho'un*. Meskipun terjadi perdebatan antara ulama mengenai *Tho'un* ini namun faktanya Covid-19 ini merupakan satu ujian dari Allah SWT. Maha kuasa atas segala-galanya tentang dunia ini. Sebagai manusia biasa yang tiada daya dan upaya tentunya harus memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga wabak COVID-19 ini berkahir dengan segera.

Banyak isu-isu COVID-19 yang dikaitkan dengan Islam. Antara isu-isu tersebut adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Meity Elvina (2020) yang menerbitkan makalah berkaitan penggunaan ubatan dari perspektif Islam ketika pandemik COVID-19, Zohaib Ahmad & Arzoo Ahad (2020) mengutarakan isu berkaitan kajian Covid-19: Islam dan perspektif saintifik. Suyadi et. al (2020) pula telah memperkatakan mengenai fikih kebencanaan menurut ijihad Muhammadiyah. Nawal & Boshra. 2020 mengutarakan isu mengenai pengurusan krisis dan bencana melalui petunjuk Islam dan mengemukakan model kualitatif dan pandemik COVID-19. Sayed A Quadri. (2020)

PERBINCANGAN

COVID-19 ini merupakan satu proses muhasabah diri yang amat bermakna pada diri kita. Berbagai-bagai pengajaran yang dapat kita ambil dari wabak COVID-19. banyak syarikat-syarikat yang besar terjejas akibat pandemik COVID-19 ini manakala syarikat-syarikat yang berasaskan kepada inovasi dan teknologi terus berkembang. Syarikat yang menjalankan urusan niaga dalam talian telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Pelanggan boleh memilih berbagai-bagai pilihan dan dengan harga yang murah. Pembeli dapat membeli barangan yang murah dari luar negara. Peluang ini juga disediakan kepada peniaga-peniaga untuk memasarkan produk-produk mereka tanpa perlu menyewa kedai atau gudang simpanan stok. Sekiranya pembelian yang dibuat tidak memenuhi spesifikasi pelanggan maka ada ruang yang disediakan untuk berbincang di antara pembeli dan penjual. Apa yang lebih penting adalah komen-komen atas talian yang dibuat oleh pelanggan. Sekiranya komen yang tidak bagus sudah semestinya penjual melalui jalan sukar untuk menjual barang mereka.

Gaya hidup juga turut berubah terutama kepada mereka yang bekerja. Mesyuarat atas talian sedikit demi sedikit telah menggantikan mesyuarat secara bersemuka. Begitu juga seminar-seminar atau forum-forum yang dianjurkan di atas talian lebih menjimatkan dan lebih produktif. Peserta tidak lagi perlu untuk menempah bilik hotel, menempah tiket penerbangan serta lain-lain kos serta melibatkan masa sehari-hari hanya semata-mata untuk menghadiri seminar. Kesemua ini dapat menjimatkan kos dan apa yang lebih penting ialah kita dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Infra atau kemudahan yang disediakan oleh kerajaan amat penting bagi menyahut cabaran era digital ini. Capaian internet sepatutnya dapat meliputi hampir kesemua pengguna samada di Semenanjung Malaysia atau di Sabah dan Sarawak. Tetapi apa yang berlaku ialah apabila pelajar mempunyai masalah untuk akses internet dan ada yang terpaksa memanjat pokok untuk mendapatkan capaian internet. Pada kawasan bandar kita tidak mempunyai masalah kerana banyak syarikat yang berlumba-lumba menawarkan perkhidmatan mereka. Di luar bandar perkara ini menjadi isu besar kerana cara hidup manusia telah berubah. Keperluan asas bukan hanya bergantung kepada kemudahan air dan api sahaja tetapi termasuk kemudahan internet. Bagi penduduk luar bandar atau kawasan pedalaman agak malang nasib mereka kerana agak sukar untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini dari seluruh dunia.

COVID-19 ini juga penting untuk dilihat dari segi keseimbangan. Keseimbangan antara kesihatan dan ekonomi. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 dahulu memberi kesan besar terhadap ekonomi dan kesihatan. Kita mengharapkan bilangan mereka yang dijangkiti COVID-19 semakin pulih dan dalam masa yang sama keadaan ekonomi juga diharapkan bertambah baik dan ini adalah cabaran yang perlu dihadapi.

KESIMPULAN

TDM telah mencadangkan tiga strategi utama bagi memastikan risiko ekonomi berkaitan penularan wabak COVID-19. Strategi tersebut ialah (i) menagani impak COVID-19 (ii) memangkin pertumbuhan berteraskan rakyat (iii) menggalakkan pelaburan berkualiti untuk memastikan ekonomi negara berada di landasan mampan. (iv) merangsang pelancongan (v) merangsang modal insan

RUJUKAN

Eman Supriatna. 2020. Wabah Corona Disease Covid 19 Dalam Pandangan Islam. SALAM. Jurnal Sosial & Budaya Syar-i. Vol. 7 No 6(2020), pp.555-564.

Mahathir Mohamad. Menghadapi Cabaran. Pustaka Antara. Kuala Lumpur. pp. 1-3.

Mahathir Mohamad. The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened. Pemanduk Pulication Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Mahathir Mohamad. Doktor Umum. Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad. MPH Publications Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Meity Elvina. 2020. Intergrative Medicine Through Islamic Perspective in Respecting Pandemic Covid-19. *International Journal of Islamic Medicine*. 1(1).43-53.

Nawal A. Al Eid & Boshra A. Arnout. 2020. Crisis and disaster management in the light of Islamic approach: COVID-19 pandemic crisis as a model (a qualitative study using the grounded theory). *International Journal of Public Affairs*. Vol.20 (4).pp. 1-14.

Sayed A. Quadri. 2020. COVID-19 and Religious congregations: Implications for Spread of Novel Pathogens. *International Journal of Infection Diseases*. Vol. 96. pp. 219-221.

Suyadi, Zalik Nuryana & Nik Alma Febriana fauzi. 2020. The Fiqh of disaster. The mitigation of Covid-19 in the perspective of Islamic Education-neuroscience. *International Journal of Disaster Risk Reduction*. Vol. 51. pp.1-9.

Zohaib Ahmad & Arzoo Ahad. 2020. Covid-19: A Study of Islamic and Scientific Perspectives. *Theology and Science*. Routledge Taylor & Francis Group. <https://www.tandfonline.com/loi/rtas20>

Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin
Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia
(E-mail: azaruddin@ikim.gov.my)